



**JADUAL IMAM/BILAL BERTUGAS PADA 1/5/2009**

TUAN HAJI MOHAMMAD BIN HASHIM - IMAM BESAR

USTAZ AB. RASHID BIN AB. RAHMAN - BILAL 1

**(Tajuk Khutbah : Menghargai Golongan Pekerja)**

**JADUAL SOLAT HARI INI**

SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IMSAK
5.43	7.02	1.10	4.29	7.15	8.27	5.33

No. Tel : 06-284 1142 Faks : 06-286 0435 Website : www.al-azim.com Email : maazim@streamyx.com

**Bil. 18/2009**

**Tarikh: 1 Mei 2009 / 6 Jamadilawal 1430H**

**PERCUMA**

*Tazkirah*

**DEMIKIANLAH MASA  
MENCERITAKAN KEPADA KITA**

*Sambungan dari minggu yang lepas*

**8. Mereka Tidak Sama**

Suatu ketika, ada seseorang yang memuji seorang ulama salaf. Ketika itu wajah ulama salaf merah padam dan menghayunkan tangannya ke wajah orang yang memujinya seraya berkata, "Apakah di sisi Allah ada Tuhan selain Dia? "Maksudnya tidak ada yang berhak digungkan dan disucikan kecuali hanya Allah S.W.T. Adapun kita adalah orang-orang yang sangat senang dan gembira tatkala dipuji dan disanjung, namun ketika dikritik maka kita akan menjadi sangat marah.

Suatu ketika, Ibrahim al-Nakha'ie berada di dalam masjid. Kemudian ada empat orang datang dan duduk dekat dengannya. Seketika itu juga al-Nakha'ie terus berdiri dan pergi meninggalkan keempat orang tersebut. Ini dilakukan kerana dia takut terkenal. Adapun kita, apabila di antara kita memiliki pengikut dan murid yang sedikit jumlahnya, maka hatinya akan bersedih. Namun jika ia melihat orang ramai yang menjadi pengikut dan muridnya, maka hatinya akan bangga dan sangat bahagia.

Suatu ketika, ramai orang yang berkata kepada Ibnu Sirin, salah seorang pembesar kaum dari golongan tabi'in, "Kami pinta kamu berkenan untuk menjadi imam solat jenazah bersama kami." Ibnu Sirin berkata, "Tidak mahu, kerana saya khuatir jika selepas solat nanti dan orang ramai pulang, mereka akan berkata kepada khalayak ramai bahawa sebentar tadi mereka solat bersama Ibnu Sirin." Adapun kita adalah orang-orang yang gemar berlumba-lumba untuk menjadi imam, bersaing dan saling berebut untuk menjadi orang yang di depan.

Dahulu, setiap kali Umar bin Abdul Aziz (khalifah yang zuhud, soleh dan ahli ibadah) berbicara dan dia merasa pembicaraannya tersebut menarik, maka dia terus memotongnya dan diam kerana takut di dalam hatinya muncul perasaan ujub (sombong dan bangga ter-

hadap diri sendiri). Adapun kita, setiap kali para pendengar kita semakin bertambah banyak, maka kita akan memanjangkan pembicaraan kita, semakin meninggikan suara dan begitu senang untuk terus bicara, disebabkan mengikuti hawa nafsu.

Abdullah bin Mubarak (seorang yang alim dan warak) tidak mahu menulis pendapat-pendapatnya. Dia berkata, "Siapalah kita hingga berani menulis pendapat kita sendiri." Manakala kita sibuk dengan orang-orang yang kerap memuji dan melebih-lebihkan diri kita, malah di antara kita ada yang penuh semangat berkata, "Saya telah mengarang buku ini dan itu, saya telah menulis ini dan itu, saya telah melakukan analisis terhadap kitab ini dan itu, saya telah membuat ringkasan kitab ini dan itu, saya telah menghafal ini dan itu, saya telah membaca dan mempelajari buku ini dan itu."

Apakah kamu ingin tahu kenapa kita tidak sama dengan orang-orang terdahulu? Jawapannya adalah kerana mereka mengetahui dan memahami sedangkan kita bersikap ingkar, mereka menasihati sedangkan kita menipu, niat mereka ikhlas dan tulus sedangkan niat kita keruh bercampur dengan debu-debu riak dan ujub, mereka hanya menginginkan Allah S.W.T. sedangkan kita di samping menginginkan Allah S.W.T. juga menginginkan yang lain. Kami meminta perlindungan kepada Allah S.W.T. daripada sikap menyekutukan-Nya dengan sesuatu yang lain sedangkan kita mengetahui perkara tersebut. Kami meminta ampunan kepada-Nya atas bentuk-bentuk kesyirikan yang tidak kita ketahui dan tidak kita sedari.

**9. Mahmud Syakir Dan Al-Mutanabby**

Saya telah membaca dan mempelajari cukup lama kitab yang bertajuk "*al-Mutanabby*" karya Mahmud Syakir. Saya sangat kagum terhadap kitab ini kerana memiliki daya tarikan yang luar biasa. Nilai-nilai sasteranya begitu melimpah dan kuat, perasaan dan

emosional buku ini sangat nampak sekali, kerana Mahmud Syakir menulis kitab ini dengan seluruh tenaga, keringat, perasaan dan emosi yang dimilikinya. Sehingga kitab yang ditulis pun menjadi sebuah karya yang terkenal, berkualiti, menarik ramai peminat dan begitu hebat.

Kenyataan ini memberikan pengetahuan kepada kamu tentang rahsia perbezaan antara kitab yang satu dengan kitab yang lainnya, antara penulis yang satu dengan penulis lainnya. Sebahagian penulis ada yang jika melahirkan sebuah karya, maka karya tersebut mampu mencengkam hati kamu, menyihir fikiran kamu dan memaksa kamu harus mengangkat topi dan mengucapkan salam hormat kepadanya. Ada juga sebahagian penulis yang jika menulis sebuah karya, maka perasaannya sejuk dan emosinya mati, sehingga seolah-olah ia hanya memberikan kepada kamu sebuah bangkai yang kaku dan tidak bergerak, kerana tulisan-tulisan yang ada sejuk dan mati. Padahal memakan bangkai adalah haram hukumnya, sebagaimana firman Allah S.W.T.:

"Diharamkan bagimu (memakan) bangkai,"  
(Al-Maidah: 3)

### 10. Pangkat Adalah Bencana

Para ulama dan imam dahulu tidak memiliki jawatan dan kedudukan duniawi, tetapi sebaliknya, mereka berusaha untuk menjauhkan diri dari jawatan. Ketika mereka ditawarkan dan dipaksa untuk menjadi *qadi* (hakim) atau menjadi wali (penguasa) di suatu wilayah, mereka akan menolak semua tawaran itu kerana mereka telah memiliki jawatan "wali" yang tidak dapat ditanggalkan oleh siapa pun. Jawatan "wali" tersebut mereka peroleh daripada Tuhan alam semesta. Kedudukan dan darjat mereka jauh lebih mulia dan tinggi sehingga mereka tidak perlu lagi kepada jawatan dan kedudukan duniawi yang hanya akan menghilangkan cahaya ilmu dan mematikan sifat warak (menjaga diri daripada hal-hal yang rendah dan hina) serta hanya akan membakar "lembar-lembar kertas" kezahidan.

Sebaliknya, para ulama dan para pemimpin kaum bid'ah yang gila terhadap perkara dunia saling berlumba untuk mendapatkan jawatan. Mereka majoritinya menjadi orang penting di dalam lingkaran kekuasaan dinasti Umayyah, dinasti Abbasiyah dan para raja serta penguasa yang lain. Mereka antara lain Al-Jahm bin Safwan, Bisyr Al-Murisy, Muhammad bin Jahm, Thumamah bin Asyrasy, Al-Jahiz, Ahmad bin Abi Du'ad, Ibnu al-Zayyat, Ibnu Al-'Alqamy, Ibnu al-Sabasiri, Nasiruddin al-Tusy, Al-Akhna'iy, Ibnu Makhiluf dan banyak lagi yang lainnya.

Adapun para ulama ahli sunnah, majoritinya tidak mahu menerima jawatan yang ditawarkan dan dipaksakan kepada mereka. Cuba lihat Ibnu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie, Imam Ahmad, Al-Auza'iy, Al-Thauri, Al-Hasan Al-Basri, Sa'id bin Musayyab, Ibnu Taimiyyah dan ulama sunnah lain. Allah S.W.T. mengabadikan nama-nama mereka, menjadikan mereka buah tutur yang baik bagi orang-orang yang datang terkemudian. Berbeza dengan para ulama ahli bid'ah, nama mereka mati terkubur, karya-karya peninggalan mereka terhapus dan

tidak berjejak.

### 11. Fatwa Adalah Alat Pengukur Ilmu

Jika kamu ingin mengetahui kelemahan para murid, maka cuba kamu uji mereka dengan meminta fatwa, kerana fatwa adalah sesuatu yang menjadi tolak ukur ke-ilmuan seseorang. Kita semua mungkin pandai jika disuruh untuk berbicara, berceramah, memberikan nasihat, mengarang buku dan *mentakhrij* hadith, tetapi sangat sedikit orang yang pandai di dalam bidang fatwa dan mampu menyampaikannya secara benar. Ini menunjukkan bahawa fatwa atau ilmu fekah yang diiringi dengan dalil-dalil yang benar adalah kemuliaan dunia dan akhirat.

Perkara tersebut juga menjadi sebab kenapa para imam mazhab yang empat lebih memiliki kedudukan di hati umat Islam berbanding para ulama ilmu *nahwu*, bahasa dan sastera. Sesungguhnya kemuliaan dan keluhuran para ulama fekah dan para imam fatwa bersifat abadi, kerana keperluan yang paling utama bagi umat Islam tidak lain adalah fekah. Selama hampir lima puluh tahun dari hidup kamu umpamanya, mungkin kamu tidak akan menemukan seseorang yang bertanya kepada kamu tentang sebuah bait syair, permasalahan sastera atau permasalahan bahasa. Manakala ilmu fekah sentiasa diperlukan oleh semua orang pada setiap waktu.

### 12. Sudah Cukup Sampai Di Sini

Setiap tahun, ratusan tesis dan disertasi doktor di-seminarkan di berbagai universiti. Almari perpustakaan sudah penuh dan hampir roboh kerana sudah tidak mampu lagi menahan tumpukan karya-karya tulis ilmiah. Namun yang sangat disayangkan bahawa aktiviti membaca masih sangat dangkal, aktiviti menelaah masih terhad pada sampul buku dan ilmu yang dihasilkan masih sangat sedikit.

Apabila ada sesuatu yang kamu hairankan, maka yang patut menghairankan adalah tebalnya karya-karya tulis yang dihasilkan, namun hanya berisikan tulisan-tulisan yang tidak berkualiti. Siapa yang akan membaca karya-karya tulis tersebut, padahal majoriti murid tidak membaca kitab-kitab karya para ulama besar seperti Ibnu Taimiyyah, Ibnu Qayyim, Imam Nawawi, Ibnu Hajar dan Ibnu Abd al-Wahhab. Barang siapa yang tidak mampu untuk melakukan sesuatu yang sedikit, maka ia lebih tidak mampu untuk melakukan sesuatu yang banyak.

Penyelesaian yang paling sesuai adalah menuntut para murid untuk mempelajari dan mendalami kitab-kitab para ulama besar. Mereka pun perlu diuji dan di sidang mengenai pemahaman dan perkara yang mereka baca agar nantinya kita boleh melahirkan para ulama yang cerdas dan berkualiti. Ia lebih baik berbanding men-sia-siakan umur hanya untuk menulis karya tulis ilmiah yang hanya bersifat mengulang, yang hanya menukulkan dan menulis kembali karya-karya yang telah ada, serta membahaskan bidang-bidang yang hanya bersifat wasilah atau lantaran belaka.

"Orang-orang yang hendak menambang batu gamping, maka mereka akan melalui lapisan-lapisan yang menutupinya, Dan barang siapa yang menginginkan laut, maka ia akan menganggap remeh sungai-sungai yang kecil."

**INFO FATWA**  
**SYEIKH ALI JUM'AH (MUFTI MESIR)**  
**MASALAH BERSUCI**

# Belajar Bahasa Arab

Bersama : Ustaz Haji Fazly bin Haji Yaacob

## Pelajaran Empat Ratus Enam



هَيَّا نَذْهَبْ لِلنُّزْهَةِ

**MARI KITA PERGI BERSIAR-SIAR**

**محمود** : كَيْفَ كَانَتْ جَزِيرَةُ "لغكاوي"؟

Mahmud: Bagaimana keadaan di Pulau Langkawi?

**عائشة** : "لغكاوي" جَزِيرَةٌ جَمِيلَةٌ.

Aisyah: Langkawi sebuah pulau yang cantik.

**محمود** : سَمِعْتُ أَنَّ شَوَاطِئَهَا جَدَّابَةٌ. أَلَيْسَ كَذَلِكَ؟

Mahmud: Saya dengar bahawa pantai-pantainya menakjubkan. Tidakkah begitu?

**عائشة** : \*بلى. بِالطَّبَعِ شَوَاطِئُهَا جَدَّابَةٌ وَرِمَالُهَا نَظِيفَةٌ وَمِيَاهُهَا صَافِيَةٌ.

Aisyah: Ya. Sudah tentu pantai-pantainya menakjubkan, pasir-pasirnya bersih dan airnya jernih.

**محمود** : إِنْ شَاءَ اللَّهُ سَأَذْهَبُ إِلَى "لغكاوي" لِتَمَتُّعِ تِلْكَ الْمَنَاطِرِ الْمُنْدَهَشَةِ.

Mahmud: Kiranya diizinkan Allah, saya akan pergi ke Langkawi untuk menikmati pemandangan-pemandangan yang menakjubkan itu.

Sambungan dari minggu yang lepas

Dalam kesempatan ini rasanya perlu juga kami sampaikan satu masalah yang sangat penting, iaitu ramai perempuan zaman sekarang yang tidak mengetahui bahawa lendir putih yang keluar daripada kemaluannya setelah haid adalah petanda bahawa dirinya telah suci. Untuk mengetahui apakah seorang perempuan telah suci, para ahli fikir menawarkan cara yang sangat tepat, iaitu dengan menekankan kapas ke parit kemaluan wanita. Jika kapas tersebut masih menyerap warna merah meski hanya sedikit maka wanita tersebut bererti belum suci. Hal ini perlu diberitahu kerana ramai mengetahui cara ini.

Sebelum ini telah dinyatakan bahawa jika masa haid telah habis dan belum mandi janabah maka si suami belum boleh menggaulinya. Bagaimanakah pula sekiranya si suami tetap menggaulinya? Kita telah kemukakan hukumnya sebelum ini, iaitu bahawa suami tidak dikenakan kewajipan membayar kifarat. Namun ada orang yang bertanya seperti ini: Seandainya perbuatan tersebut tidak menyebabkan seseorang wajib membayar kifarat, bererti perbuatan tersebut bukanlah sesuatu yang diharamkan.

Anggapan seperti ini adalah salah. Tidak diwajibkan membayar kifarat bukan bererti bahawa perbuatan tersebut boleh dilakukan. Perbuatan tersebut tetap haram, tetapi kesalahannya tidak dikenakan kifarat. Saranan kepada orang yang melakukan hal tersebut, yakni menggauli isteri yang telah habis haidnya namun belum mandi adalah:

- a. Bertaubat kepada Allah S.W.T.
- b. Tidak akan mengulangi perbuatan tersebut lagi.
- c. Beristighfar kepada Allah S.W.T. serta menyesali perbuatannya.

Sedangkan orang yang menggauli isterinya sewaktu haid dikenakan kewajipan membayar kifarat di samping bertaubat kepada Allah S.W.T.

Permasalahan ini tidak ubahnya seperti dua orang yang tertangkap ditangannya sebuah kitab wakaf. Kitab yang ada di tangan orang yang pertama ternyata dipinjam daripada masjid atau perpustakaan, tetapi tidak dikembalikan. Sedangkan yang satu lagi dicuri daripada masjid atau perpustakaan. Kerana tidak ada tanda me-

Bersambung di m/s 4 >>>

**Kamus:** الْمُعْجَمُ

Bersih : نَظِيفَةٌ

رَمَالٌ : Pasir-pasir

Air (dalam kuantiti : مِيَاةٌ

yang banyak)

Yang menakjubkan: الْمُنْدَهَشَةُ

## SIDANG REDAKSI

### PENGURUSI

Y.A.B. Datuk Seri Hj. Mohd. Ali Bin Mohd. Rustam  
(Ketua Menteri Melaka)

### PENAUANG

Y.B Tuan Hj. Ghazale Bin Muhamad  
(Timbalan Pengerusi MAIM)

### PENGARANG

Ustaz Hasbullah Bin Selah @ Salim  
(Imam Satu)

### PENASIHAT

Y. Bhg. Datuk Alias Bin Mad Saad  
(Pegarah JAIM)

### SIDANG PENGARANG

Ustaz Mohd. Amirudin Bin Ahmad  
(Imam Dua)

### KETUA PENGARANG

Al-Fadil Tn. Hj. Mohammad  
Bin Hashim Al-Hafiz  
(Imam Besar Masjid Negeri Melaka)

Tuan Haji Yaacob Bin Abdul Majid  
(Imam Rawatib)

### EDITOR

Tuan Hj. Ab. Rashid Bin Ab. Rahman  
(Bilal Satu)

Pn. Mahaniza Binti Mahat  
(Pembantu Tadbir)

Ustaz Mohd Aidiel Bin Jaapar  
(Noja)

Tuan Hj. Borhan Benjamin Bin Abdullah  
(Penyambut Tetamu)

## JADUAL KELAS PENGAJIAN MASJID AL-AZIM MELAKA

HARI/MASA	SUBUH	ZOHOR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
ISNIN		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Tn. Hj. Zakaria b. Lemat (Mustika Hadis)	
SELASA		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak	5.00 Ptg. Al-Quran Wanita Tn. Hj. Ab. Rashid b. Ab. Rahman	7.30 Mlm. Fekah Datuk Wira Hj. Rashid Redza b. Md. Salleh	Pengajian Asas Taranum Tn. Hj. Ramli b. Dollah
RABU		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Fekah/Sirah Tn. Hj. Ali Umar	
KHAMIS		2.30 Ptg. Kelas Asas Al-Quran Kanak-Kanak		7.30 Mlm. Majlis Bacaan Yasin & Tahlil	
JUMAAT		2.30 Ptg. Fardu Ain Ust. Halimah		7.30 Mlm. Tauhid/Al-Quran Tuan Hj. Mohammad b. Hashim	Kelas Berzanji Tn. Hj. Abdul Latip b. Joned
SABTU	6.00 Pg. Kuliah Subuh Tn. Hj. Abd. Rahim b. Khalik  8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak  8.30 pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Hadis Tn. Hj. Ibrahim b. Abdul Hamid	Kelas Bahasa Arab Ust. Fazly b. Hj. Yaacob
AHAD	6.00 Pg. Kuliah Subuh Ustaz Shukeri Najib b. Ab. Rahim  8.00 Pg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak  10.00 Pg. Tafsir Datuk Hj. Idris Al-Hafiz  8.30 Pg. - 12.30 Tgh. Kelas Pengajian Dewasa Persijilan	2.00 Ptg. Kelas Pengajian Tahfiz Kanak-kanak		7.30 Mlm. Tafsir Tn. Hj. Abd. Rahim b. Chalik	

< < < sambungan dari m/s 3

nunjukkan buku tersebut dipinjam, atau dia sendiri men-  
gaku bahawa dia mencurinya. Pada kes pertama orang itu  
tidak dikenakan "hadd" (hukuman) potong tangan. Tetapi  
pada kes kedua orang yang berkenaan dikenakan hadd  
potong tangan.

Adakah keadaan ini memberi maksud bahawa per-  
buatan seseorang yang meminjam daripada perpustakaan  
atau masjid tadi lantas tidak mengembalikannya adalah  
boleh, sebab dia tidak dikenakan sanksi hadd seperti di-  
maksud? Sama sekali tidak. Perbuatan tersebut tetap per-  
buatan yang tidak dapat dibenarkan. Perkara itu tidak  
dapat mengatakan misalnya, "Tujuan saya tidak me-  
ngembalikan kitab tersebut adalah untuk belajar.  
Bukankah saya juga orang Islam yang berhak memakai  
kitab tersebut sesuka hati saya, agar saya dapat mem-  
bacanya sehingga saya dapat memahami Islam? Sebab itu  
jika saya tidak kembalikan maka saya tidak berdosa!"

Anggapan seperti ini adalah salah. Salah besar. Kitab  
yang diwakafkan di masjid atau perpustakaan bukan  
bererti untuk dimonopoli oleh satu atau sebahagian  
orang. Tetapi dia adalah milik bersama. Walaupun per-  
buatan tersebut dianggap salah, hukuman hadd potong  
tangan tetap tidak dapat dilaksanakan kepadanya. Kerana  
dia berstatus peminjam. Sebaliknya, pada kes kedua, pe-  
salah wajib dikenakan hukuman hadd, kerana dia adalah

pencuri.

Perkara lain yang sama dengan kes ini adalah, salah  
seorang mencuri barang yang dikongsi bersama teman-  
nya. Maka pencuri di dalam kes seperti ini tidak di-  
kenakan hukuman hadd. Tapi perbuatannya tersebut  
tetap perbuatan yang diharamkan. Sehubungan dengan  
ini terdapat sebuah riwayat daripada Abu Hurairah  
beliau berkata, "Rasulullah S.A.W. bersabda, "Allah S.W.T.  
berfirman, "Saya adalah yang ketiga daripada dua orang  
yang berkongsi selama keduanya tidak saling meng-  
khianati. Jika salah seorang daripada mereka berkhianat,  
maka kau akan keluar daripada mereka."

Orang yang mencuri harta perkongsian dengan te-  
mannya tidak dapat dikenakan hukuman hadd potong  
tangan. Sebab dia boleh mengatakan bahawa yang diamb-  
ilnya adalah harta bahagiannya. Dalam kes seperti ini  
kita wajib berpegang kepada istilah *Syubhat* (Kesamaran)  
di dalam satu kes. Sebagaimana Nabi S.A.W. Sendiri  
bersabda, "Hindari kamu lah (melaksanakan hukuman)  
hadd dengan syubhat."

*Bersambung di minggu hadapan*

Pungutan Tabung Derma Masjid Al-Azim

**24.4.2009 - RM 4,040.40**

**PERINGATAN :**

SILA LETAKKAN RISALAH INI DI TEMPAT YANG SESUAI